

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang  
Sidang Akademik 2006/2007

Jun 2007

**HKN 308 - SEMINAR DALAM KESUSASTERAAN NUSANTARA  
II: ASPEK PENSEJARAHAN**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan.

1. Kemukakan hujah-hujah yang dapat menyokong pandangan beberapa sarjana yang menganggap sastera manuskrip Melayu sudah pun wujud seawal abad ke-7. Dengan merujuk kepada tulisan Braginsky dan Teuku Iskandar, perkukuhkan hujah tersebut dengan contoh-contoh.
2. Apakah yang dimaksudkan dengan “arah baru” dalam pensejarahan sastera? Apakah hujah-hujah pelopor aliran ini (terutama Hans Robert Jauss) untuk menolak kaedah pensejarahan tradisional?
3. Bandingkan kaedah pensejarahan Winstedt dengan V.I. Braginsky. Mengapakah pada pandangan anda model pensejarahan Winstedt gagal untuk melihat kerencaman dalam proses perkembangan sastera?
4. Bincangkan pendapat-pendapat sarjana untuk menyokong Abdullah Munshi sebagai tokoh pemodenan sastera Melayu. Dengan merujuk kepada tokoh-tokoh lain seperti Allaudin, Hamzah Fansuri dan Ahmad Rijaluddin, beri pandangan anda tentang kedudukan Abdullah sebagai tokoh pemodenan tersebut.
5. Bincangkan peranan “modenisme” dan “kolonialisme” dalam fenomena “kebangkitan semula” sastera Melayu di Riau pada abad ke-19. Bandingkan sikap Raja Ali Haji dengan Abdullah Munshi dalam menangani isu-isu tersebut.
6. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep “literasi terbatas” pada zaman Hindu (Sriwijaya) dan awal Islam? Bincangkan implikasinya ke atas perkembangan sastera Melayu.
7. Bincangkan faktor-faktor sosio-budaya yang membawa kepada kemunculan aliran sastera Islam pada tahun-tahun 70-an di Tanah Melayu. Apakah ide-ide utama yang dibawa oleh aliran ini terutama yang berkait dengan seniman, ciri dan fungsi seni?